

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

Angkatan Sukarela Pelengkap Pertahanan  
16. Sep 2008  
Utusan Malaysia  
Supplement  
238082  
833287

Language  
Page No  
Article Size  
Frequency  
Color  
AdValue

MALAY  
6a,7a  
1726 cm2  
Daily  
Full Color  
24321.08



PARA peserta Eksasdi Perisai Watan (kiri) mendengar taklimat sebelum memulakan latihan.



TIMALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak (kiri) pada majlis pelancaran Kor Rejimen Askar Wataniah.



BERBERAPA anggota Rejimen Askar-Melayu Diraja (RAMD) menunjukkan kepakatan melalui carikan grenad kepada anggota-anggota pasukan simpanan.



DARI kiri, pegawai INSUTDLM, pegawai AW dan pegawai FSSTLDM gambar selepas diakhiri latihan baru-baru ini.

# Angkatan Sukarela Pelengkap Pertahanan



BERBERAPA anggota Rejimen Askar Wataniah memaikan bendera pasukan dalam satu aktiviti baru-baru ini.

**A**NGKATAN sukarela dalam Angkatan Tentera Malaysia merupakan salah satu aset dalam memperkukuhkan kesediaan pertahanan negara.

Haloga langkah diambil untuk menarik rakyat dari kalangan orang-orang awam menyertai angkatan sukarela, melalui pengambilan anggota, khususnya dari kalangan sektor kerjaya dan swasta.

Pelbagai latihan serta kursus diadakan bagi mendedahkan sukarelawan menjadi anggota-tentera sedialah yang mampu dan bersedia untuk digerakkan ke medan peperangan apabila diperlukan oleh negara.

Mengikut Dasar Pertahanan Negara (DPN), angkatan sukarela pasti dapat membekalkan saiz angkatan tetap apabila keadaan memerlukan, dan mereka boleh dikerah dalam tempoh waktu yang singkat.

Dalam jangka masa panjang kekuatan militer seorang negara, angkatan tetap kepada seorang anggota sukarela akan dinaikkan kepada sebuah 1:5. Pertambahan ini bukan hanya dari segi kuantiti, tetapi juga dari segi kualiti.

Bagi mencapai sasaran tersebut adalah penting anggota angkatan sukarela ini diberi latihan berkesan iaitu dengan mengikuti kursus ketenteraan selama 380 jam dalam setahun.

Latihan tersebut diadakan di peringkat kera pada setiap hujung minggu dan kemuncak kepada latihan mingguan tersebut adalah latihan tabuhan yang mengambil masa selama 14 hari secara berterusan.

DPN telah menggariskan bahawa pembangunan ATM dibendahkan berlandaskan kepada struktur yang mengahang 'tandem tetap' terdiri daripada anggota angkatan tetap dan 'pasukan kerangka' yang terdiri daripada anggota Pasukan Simpanan Angkatan Tentera (PSAT).

PSAT mengandungi dua komponen iaitu Simpanan Tetap (SMT) dan Simpanan Sukarela (SS).

SAT terdiri daripada anggota angkatan tetap yang bersedia dan mereka diwajibkan berkhidmat dalam SAT selama lima tahun manakala bagi anggota lain-lain pangkat (LLP) juga adalah selama lima tahun atau mencapai umur 50 tahun (yang mana dibenarkan).

Anggota PSAT akan dikerah untuk membekalkan saiz angkatan tetap serta memperkukukannya apabila keadaan memerlukan.

Buat masa ini, hanya komposen PSAT dan SS yang terdiri daripada Askar Wataniah (AW) bagi Tentera Darat, Pasukan Simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) bagi TUDM, Pasukan Simpanan Tentera Udara Diraja Malaysia (PSSTUDM) bagi TUDM yang mempunyai kekuatan yang boleh dijangkakan.

Selain daripada itu, ATM juga mempunyai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Selangka kini sebanyak 12 PALAPES ditubuhkan di beberapa IPTA di Malaysia.

Universiti-universiti ini ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UTM), Universiti Malaysia Sabah (UNIMAS), Universiti Pendidikan Sultan Ismail (UPSI), dan Kolej Teknologi Tun Hussein Onn (KSTTHO).

Matlamat penubuhan PALAPES adalah untuk melatih pelajar-pelajar IPTA dalam ilmu ketenteraan bagi membina modal insan yang berdaya dan bersemangat waja.

**Bagi mencapai sasaran tersebut adalah penting anggota angkatan sukarela ini diberi latihan yang berkesan iaitu dengan menjalani kursus ketenteraan selama 380 jam dalam setahun.**

PALAPES juga menyediakan sumber tenaga pegawai kepunyaan IPTA untuk angkatan tetap dan angkatan sukarela. Dengan selang program sedemikian ia dapat mempersiapkan warga-negara yang terlatih dalam bidang ketenteraan bagi mengukuhkan pertahanan negara dan berketahanan nasional.

Selain itu, program ini juga dapat membina modal insan yang berdaya dan bersemangat waja.

Melalui program ini mahasiswa dan mahasiswa dapat dilatih dan diajarkan semangat patriotisme, berdisiplin, serta berkebolehan memimpin dalam apa jua cabaran yang dihadapi.



SORONGAN pegawai TUDM (kiri) memberikan penerangan kepada beberapa anggota PALAPES TUDM baru-baru ini.



PEMANANGAN bilik gerakan yang digunakan pada satu-satu latihan yang melibatkan askar simpanan.



PARA anggota Kor Ke-16 Tentera Darat ini sentiasa bersedia mempertahankan negara jika diperlukan.